



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

DASAR DAN PELAN TINDAKAN KECEKAPAN TENAGA NEGARA, 2026-2035 (NEEAP 2.0) PACU PERALIHAN TENAGA

PUTRAJAYA, 11 Ogos 2026 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) pada hari ini melancarkan Dasar dan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (*National Energy Efficiency Policy and Action Plan-NEEAP 2.0*) bagi tempoh 2026 hingga 2035, bersempena dengan Majlis Perasmian *7th International Sustainable Energy Summit (ISES)*.

Sebagai kesinambungan pencapaian pelan tindakan terdahulu, NEEAP 2.0 bakal memacu peralihan tenaga negara ke arah aspirasi pelepasan sifar bersih menjelang 2050 melalui pembudayaan kecekapan tenaga merentas sektor industri, komersial dan domestik. Keutamaan terus diberikan kepada sektor-sektor berimpak tinggi dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara, selain memastikan penyertaan seluruh lapisan rakyat.

Sasaran strategik NEEAP 2.0 ialah **peningkatan kecekapan penggunaan tenaga elektrik dan termal sebanyak 11.6%** berbanding keadaan biasa (*Business-As-Usual*) bersamaan dengan anggaran **penjimatan tenaga kumulatif sebanyak 815,000 terajoule (TJ)**. Anggaran penjimatan NEEAP 2.0 ini adalah **setara dengan keperluan bagi menampung keseluruhan bekalan tenaga elektrik bagi seluruh Semenanjung Malaysia selama hampir dua tahun**.

Pelaksanaan NEEAP 2.0 dijangka memberikan lonjakan besar kepada ekosistem ekonomi dan tenaga hijau Malaysia. Pelan ini dijangka

menjana nilai penjimatan tenaga bersih sebanyak RM85 bilion di samping menarik pelaburan swasta berjumlah RM36 bilion. Di samping itu, pelaksanaan pelan ini bakal mewujudkan kira-kira 29,000 peluang pekerjaan baharu. Dari sudut kelestarian alam sekitar, pelaksanaan NEEAP 2.0 dianggarkan akan **mengurangkan pelepasan karbon bersamaan 26 juta tan karbon dioksida (tCO₂eq) menjelang tahun 2035.**

Maklumat lanjut mengenai Dasar dan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (NEEAP 2.0) boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang rasmi PETRA di www.petra.gov.my.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, pelaksanaan NEEAP 2.0 merupakan inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan penggunaan tenaga yang cekap dan mampan, sekali gus menyokong kesejahteraan rakyat, pembangunan rendah karbon dan kemampanan sumber tenaga negara.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
11 Ogos 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA

